



NICOL DAVID melihat Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh membuat pukulan sebagai Pelancaran Program Transformasi Kepimpinan Sukan di UPM, Serdang, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

UTUSAN MALAYSIA 14/7/2017 p. 36

# Skuary mampu capai sasaran tujuh emas

Oleh FARHANA JONI  
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 JULAI

**R**ATU skuasy negara, Datuk Nicol David percaya skuad kebangsaan mampu mencapai sasaran tujuh pingat emas dalam temasya Sukan SEA 2017 yang bakal berlangsung, bulan hadapan.

Bekas pemain No. 1 dunia itu bagaimanapun tidak akan beraksi kali ini namun percaya barisan pemain muda negara memiliki kemampuan untuk menjulang nama Malaysia pada temasya



dwitahunan itu.

Skuary antara sukan yang sering menjadi lubuk pingat buat kontinjen negara dalam beberapa edisi Sukan SEA sebelum ini.

Temasya di Singapura dua tahun lalu menyaksikan pasukan negara merangkul empat pingat emas dan dua pingat perak.

Sudah pasti kejayaan itu mahu

diulangi memandangkan skuad kebangsaan akan beraksi di hadapan para penyokong sendiri.

Nicol mengakui, pasukan kebangsaan memiliki barisan pemain yang cukup kuat untuk menjadi pencabar utama pingat emas dalam edisi kali ini.

"Kita ada pemain-pemain muda yang sedang meningkat naik dan mereka cukup kuat untuk temasya kali ini.

"Pasukan Malaysia merupakan pencabar utama untuk pingat emas di Sukan SEA dan paling penting pemain perlu bersedia sebaik mungkin untuk temasya kali ini.

"Memang saya tidak akan sertai temasya kali ini dan saya hanya boleh memberikan sokongan dari jauh sahaja," katanya ketika ditemui selepas Pelancaran Program Transformasi Kepimpinan Sukan di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Skuad negara akan dibarisi seramai 16 pemain merangkumi lapan lelaki dan lapan wanita.

Juara remaja dunia, Ng Eain Yow akan mengetuai cabaran pasukan lelaki manakala Rachel Arnold iaitu adik kepada Delia Arnold akan mengetuai cabaran skuad wanita.